



BERNAMA

Teknologi Baru Aqua Ecotech Tingkat OER, Hasil Bagi Pengilang Minyak Sawit

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Teknologi baru Aqua Ecotech Sdn Bhd yang dikenali sebagai AquaEco-SRORS, akan meningkatkan kadar pengekstrakan minyak (OER) sebanyak 0.4 hingga 0.6 peratus dan dapat menambah hasil sebanyak RM1.2 bilion setahun bagi 450 pengilang minyak sawit di negara ini.

AquaEco-SRORS merupakan penurasan enap cemar minyak sawit mentah.

"Sistem AquaEco-SRORS akan mengubah industri minyak sawit dengan membolehkan pengilang menangani masalah besar dan hal-hal yang menelan kos tinggi sejak berdekad, iaitu enap cemar minyak sawit," kata Pengarahnya Andrew Liew hari ini.....